

Mahathir tegur penyertaan rakyat tempatan **Kempen pulau balak boleh jejas ekonomi**

SIBU, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegur sikap sesetengah rakyat negara ini yang turut menyertai gerakan negara asing untuk memulau kayu balak tropika keluaran Malaysia, kononnya kegiatan pembalakan menjejaskan iklim dunia.

Menurutnya, tindakan itu akan memburukkan ekonomi negara dan penyertaan rakyat tempatan untuk membantu orang asing dalam kempen berkenaan akan menyusahkan negara sendiri serta mengurangkan pendapatan rakyat.

Perdana Menteri berkata, mereka menjadikan pembalakan sebagai isu untuk memburukkan negara dan meminta Malaysia memelihara hutan agar iklim dunia

Oleh KADIR DIKOH

terkawal.

"Tetapi negara kita adalah negara sedang membangun yang menjadikan hutan sebagai sumber. Pendapatan daripada kayu balak penting bagi mengerakkan ekonomi.

"Oleh itu, adalah tidak lojik dan waras untuk memikirkan bahawa negara seperti Malaysia perlu membantu negara kaya demi menjaga iklim mereka," katanya ketika merasmikan kilang papan lapis berharga \$40 juta di Tanjung Ensurai dekat sini, hari ini. Kilang papan lapis yang keempat dan terbesar di Sarawak itu dipunyai oleh syarikat Rimbunan Hijau Plywood Sdn Bhd.

Bagaimanapun, kata beliau, ini tidak bermakna Malaysia tidak menghiraukan iklim dunia. "Walaupun kita rasa bertanggungjawab, sepatutnya negara maju tahu menjaga iklim dunia ini dengan

memberi harga kayu balak yang lebih baik supaya dengan memotong hanya sedikit sahaja daripada hutan, kita sudah mendapat pendapatan pertukaran wang asing yang cukup," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan juga tidak menggalakkan kegiatan menebang dan membakar hutan walaupun ia memberi keutamaan kepada perusahaan membalak.

Katanya, ini kerana kegiatan menebang dan membakar itu boleh merosakkan hutan kerana kayu balak mengambil masa antara 90 dan 100 tahun untuk tumbuh semula dan boleh ditebang.

"Oleh itu saya ingin mengingatkan rakyat supaya berhati-hati dengan sebarang dakwaan seumpama itu. Malangnya, ada juga rakyat negara ini sendiri menyertai kempen itu dan ini tidak harus dilakukan jika mereka benar-benar sayangkan negara sendiri," katanya.

Beliau juga berkata, eksport kayu balak

akan dikurangkan bagi memberi keutamaan kepada perindustrian tempatan yang berasaskan kayu balak. Langkah itu akan dapat menambah pendapatan dalam perusahaan tempatan.

Perdana Menteri berharap banyak lagi kilang memproses kayu balak wujud di negara ini, khususnya di Sarawak kerana perusahaan itu sekarang belum memuaskan.

Sebelum itu, Ketua Menteri, Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud berkata kuota eksport kayu balak negeri ini akan dinaikkan dari semasa ke semasa. Pada masa ini potongan 10 peratus diberikan sejak awal bulan ini untuk keutamaan perusahaan tempatan.

Katanya, langkah itu akan memesatkan lagi industri tempatan yang berasaskan kayu balak di samping menarik pelabur asing. Setakat ini Taiwan, Jepun dan Hong Kong sudah menunjukkan minat untuk melabur dalam perusahaan itu.